

Mimpi bunuh isteri jadi nama tempat

Lenggong: Bukit Bunuh bagi kebanyakan penduduk di sekitar daerah ini dikenali sebagai ladang sawit milik tauke Cina.

Ketika zaman penjajah Inggeris, kawasan ladang itu dimiliki 'Tuan Mat Saleh' dengan ditanam ribuan pohon getah pada awal 1900 bagi menjana ekonomi setempat.

Berdasarkan pengkisahan masyarakat dulu dan sumber Galeri Arkeologi Lenggong (GAL), nama Bukit Bunuh dikaitkan dengan kisah seorang lelaki pertengahan umur yang bermimpi dia perlu membunuh isterinya untuk mendapat harta dan menjadi kaya.

Terpengaruh dengan mimpi itu, lelaki berkenaan memilih satu tempat untuk melaksanakan tugas berkenaan iaitu di sebuah kawasan hutan terpencil di atas bukit bersempadan lembah yang agak luas.

Rancangan itu bagaimanapun tidak menjadi kenyataan kerana ketika si isteri sedang mandi berlimau (mandi dengan perahan air limau sebelum dibunuh) di tepi sungai, dia ternampak tempayan emas hanyut lalu diambalnya dan diberi kepada suami sehingga mereka menjadi orang berhartu.


Justeru, hutan berbukit berhampiran lembah dan Sungai Perak itu kemudian digelar Bukit Bunuh oleh orang kampung mengambil sempena kejadian itu.



Batuan suevit ditemui dalam ladang sawit **di tapak kajian batuan meteorit di Bukit Bunuh**, Lembah Lenggong. [FOTO FARHAN NAJIB/BH]

Meteorit hentam Bukit Bunuh

» Kewujudan batuan bukti tapak



tamadun masyarakat Paleolitik

Malik menunjukkan **serpihan batu suevit** yang ditemui di tapak kajian batuan meteorit di Bukit Bunuh.

Oleh Nurhayati Abillah dan Faridzwan Abdul Ghafar
bhnews@bharian.com.my

B/H 19/7/12
MS 2.



Georgetown

Batu jenis suevite yang berserakan dalam kawasan empat kilometer persegi di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak, membuktikan sejarah awal tamadun dunia iaitu penempatan awal masyarakat Paleolitik, 1.83 juta tahun lalu.

Daripada saiz sebesar ibu jari kaki sehingga lebih satu pemeluk dewasa, batuan itu kini menjadi kajian Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

Kajian pakar arkeologi USM mendapati, meteorit dari angkasa lepas pernah menghentam Bukit Bunuh yang boleh dikenal pasti daripada kesan batuan asal terlebur dan menjadi batuan impak atau dikenali suevite.

Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM, Prof Dr Mokhtar Saidin, berkata penemuan pasukan penyelidik diketuainya mendapati dalam batu suevite itu wujud peralatan batu seperti kapak genggam.



▶ 92 KM
jarak dari Ipoh

▶ 12 KM
jarak dari Lenggong

▶ 2 KM
jarak dari Muzium
Arkeologi Lenggong

▶ 4 KM PERSEGI
keluasan bencana
meteorit Bukit Bunuh



Mokhtar menunjukkan sebahagian **artifak yang ditemui** di Bukit Bunuh.



INFO

Meteorit B/H 19/7/12
MS9.

- ⊙ **Objek semula jadi** yang berasal dari angkasa lepas yang jatuh dan menghentam permukaan bumi.
- ⊙ **Di angkasa lepas**, meteorit dinamakan sebagai meteoroid
- ⊙ Apabila masuk ke atmosfera bumi, **geseran dengan udara** menyebabkan meteoroid terbakar dan mengeluarkan cahaya seperti batu berapi dan dinamakan sebagai meteor atau tahi bintang.
- ⊙ **Sebaik meteor menghentam bumi**, ia dinamakan meteorit.
- ⊙ **Lebih 31,000 spesimen meteorit** didokumentasikan dengan kira-kira 1,050 spesimen meteorit disimpan dalam koleksi di serata dunia.
- ⊙ **Meteorit sering dinamakan dengan nama tempat ia jatuh** dan biasanya nama meteorit diberikan dengan nama bandar, pekan, kampung atau pun lokasi geografi.
- ⊙ **Contoh nama gelaran meteorit** Sylacauga juga dikenali sebagai 'Hodges meteorite' selepas seorang wanita bernama Ann Hodges terkena serpihan meteorit ini.



Bukti kebudayaan Paleolitik

“Penemuan itu sekali gus mengesahkan sudah ada kebudayaan Paleolitik di Bukit Bunuh sebelum kejatuhan batu meteorit itu dan peristiwa itu memusnahkan penempatan di situ sebelum kesannya dijumpai hari ini.

“Dari rekod tarikh ini, kawasan Lembah Lenggong adalah pusat penempatan terawal manakala di bahagian lain di Malaysia tidak dihuni sehingga ke masa lebih lewat,” katanya ketika dihubungi semalam.

Dr Mokhtar berkata, manusia zaman awal mungkin mendiami penempatan berkenaan selama beberapa ribu tahun dan selepas itu baru wujud penempatan lain.

“Kajian ini meletakkan Bukit Bunuh sebagai tapak impak meteorit tertua dunia di luar Afrika dan mempunyai pentarikhan kronometrik ia itu peristiwa bencana alam berlaku dua juta tahun lalu,” katanya.

Di Lenggong, kawasan penemuan batuan kira-kira satu kilometer dari Kampung Kota Tampan itu kini menjadi perhatian orang ramai.



Batu suevite yang dipercayai mengandungi **serpihan tulang manusia** yang ditemui di tapak Bukit Bunuh di Lenggong.

Pemandu pelancong mengenakan bayaran RM50 untuk membawa mereka ke kawasan yang hanya boleh dilalui dengan motosikal, pacuan empat roda atau berjalan kaki.

Batuan suevite berselerak Tinjauan *BH* ke kawasan itu semalam menemui batuan suevite berselerakan di antara pokok kelapa sawit yang ditanam di kawasan milik persendirian itu.

Ada tiga lubang kajian berukuran kira-kira dua meter persegi yang dilakukan USM yang sudah ditanda dengan lilitan benang bagi menandakan setiap lapisan penemuan

batuan berkenaan.

Bagaimanapun, satu daripada lubang kajian itu ditutup semula bagi mengelak haiwan terjatuh berikutan ladang kelapa sawit itu turut dijadikan padang ragut sekumpulan lembu peliharaan.

Seorang pemandu pelancong yang juga penduduk tempatan, Malik Ridzuan, 30, berkata sejak penemuan Perak Man dan pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), awal bulan lalu, kawasan itu kini menjadi tumpuan.

INFO

Batu Suevite

☉ Batu yang terhasil akibat peleburan hasil impak hempasan meteorit ke bumi

☉ Kali pertama ditemui ahli geologi Jerman, Dr Eberhard Fraas pada 1919 di Nördlinger Ries, Bavaria dan Baden-Württemberg di selatan Jerman.

☉ Suevite bermaksud 'batuan swabian' berdasarkan nama tradisional wilayah selatan Jerman, Swabia.

☉ Proses peleburan menghasilkan batu suevite dikenali 'shock metamorphism'

☉ Batu suevite kelihatan hitam berkaca atau seperti kristal hitam

☉ Batu meteorit jatuh menghempas Bukit Bunuh di Lenggong, Perak kira-kira 1.83 juta tahun lalu

☉ Kemusnahan budaya awal Paleolitik di Bukit Bunuh berpunca daripada jatuhnya meteorit angkasa lepas dan buktinya dikenalpasti dengan kehadiran batuan suevite

☉ Bukit Bunuh adalah tapak impak meteorit tertua dunia di luar Afrika.